

Pilih Watak Yang Terbaik Dalam Menempuh Kehidupan



Oleh: Nurul Musfirah binti Mazni Fairuz

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 27 Julai 2021

Dalam filem selalu kita diperlihatkan tentang watak seseorang. Kita sebagai penonton dapat membezakan sendiri sama ada watak itu baik atau sebaliknya.

Begitu juga dalam kehidupan, manusia bebas memilih watak yang mereka inginkan. Walaupun tidak menjadi terkenal seperti artis di kaca televisyen tetapi memberi impak kepada orang sekeliling.

Jika seseorang pelakon itu membawa watak yang dipertanggungjawabkan ke atasnya dengan baik pasti mereka akan menerima impak yang sangat baik. Baik wataknya baiklah komennya. Jika jahat wataknya maka buruklah komennya.

Bukan komen buruk tersebut kerana pelakon tersebut layak mendapatkannya tetapi kerana wataknya yang menyentuh emosi penonton.

Sebagai contoh, pelakon Wafariena telah diugut akan disimbah asid jika beliau keluar dari rumah akibat lakonan jahatnya ddalam drama 7 Hari Mencintaiku. Namun, perkara ini tidak melunturkan semangat beliau justeru membuka peluang untuk dirinya menjadi lebih terkenal.

Watak utama lebih dikenali sebagai protagonis. Perkataan protagonis berasal dari istilahGreek dari dua gabungan perkataan iaitu *protos* dan *agoniste*.

Protos bermaksud utama atau pertama dan *agoniste* membawa maksud pelakon. Perkataan ini mula digunakan pada zaman Yunani di mana mereka menggelar watak utama mereka protagonis didalam persembahan teater mereka.



Beberapa pelajar sedang membantu membersihkan sampah di kawasan jalan raya.

Dalam ceritaku, akulah watak protagonis itu, aku mencorak watakku sesuai dengan keinginanku, kadangkala aku mampu membawa watak ini dengan baik.

Aku mampu menjadi segagah Hang Tuah di zaman Kesultanan Melayu. Terkadang juga aku menjadi selemahnya kerana watak yang inginku bawa terlalu berat untuk sesuatu situasi yang aku hadapi.

Pernahku ingat, semasa 2015, aku pernah kehilangan orang yang aku sayangi dalam kehidupanku. Aku mencuba untuk kuat. Aku berlakon seakan-akan tiada apa yang berlaku.

Aku tunjukkan kepada semua orang bahawa aku tidak akan menangis. Namun jauh dari semua orang, aku terperosok ke satu sisi yang aku sendiri tidak dapat menjangkakannya.

Aku seakan-akan masuk ke dunia yang gelap. Aku tidak ingin keluar kerana aku tidak kuat untuk melupakan kejadian tersebut.

Aku takut watakku yang kuat ini akan menjadi bahu untuk orang bersandar. Aku takut aku akan mengecewakan semua orang. Namun, akhirnya aku dapat mengatasi semua ini.

Selain itu, terdapat juga watak yang sering memberi persepsi negatif kepada masyarakat adalah watak antagonis.

Watak ini sering dikaitkan dengan perwatakan jahat pembawanya. Jika watak ini dimainkan dengan perasaan dan emosi yang betul pasti akan memberi impak kepada emosi penonton.

Sebelum abad ke-15, penggunaan antagonis bukan hanya dalam pementasan filem atau teater sahaja. Antagonis berasal dari dua perkataan Yunani iaitu *anti* bermaksud bersaing dan *agonizesthai* yang bermaksud merebut sesuatu.

Aku juga pernah menjadi watak antagonis dalam cerita orang lain. Bagiku mungkin keputusan yang aku buat baik untuk diriku tetapi bagi mereka akulah antagonis dalam cerita mereka.

Bagiku, semua watak protagonis akan merasa yang watak lain dalam kehidupannya adalah watak yang mengancamnya.

Allah berfirman dalam al-Quran yang bermaksud, “Dan berbuat baiklah, kerana Allah menyukai orang yang berbuat baik.” (Surah al-Baqarah, ayat 195)

Fitrah kehidupan sebagai seorang manusia adalah beragama dan agama menuntut manusia untuk sentiasa melakukan kebaikan. Jadi setiap manusia haruslah meletakkan sempadan bagi diri mereka.

Walau apa watak yang mereka ingin galas dalam kehidupan mereka, mereka perlulah memilih untuk menjadi yang terbaik dan menghalang kejahatan.

Jika memilih untuk memegang watak antagonis, mereka perlu berusaha melawan protagonis. Adalah menjadi kewajipan kepada semua manusia untuk sentiasa mengingatkan yang lain untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan.

Pilihlah watak yang mampu membawa diri kita ke arah yang lebih baik. Jangan biarkan perasaan marah atau dendam menukar dirimu menjadi seseorang yang tiada perasaan mahupun belas ihsan kepada orang lain.

Berikan yang terbaik yang ada pada dirimu agar engkau boleh mendapatkan yang terbaik dari orang lain. Aku sendiri memilih untuk menjadi watak antagonis di mata sendiri tetapi protagonis di mata orang lain.